

STANDARD GURU MALAYSIA: TAHAP PENGETAHUAN GURU PELATIH PISMP IPG KAMPUS ILMU KHAS

Low Suet Fin, Amiruddin Zainuddin & Rafidah Ruhani

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 2 Ambilan 2013 Institut Pendidikan Guru kampus Ilmu Khas dalam Standard 2, Standard Guru Malaysia. Pemilihan sampel adalah berdasarkan persampelan rawak mudah. Data kajian ini merupakan data yang dikutip pada peringkat pertama bagi kajian longitudinal yang bermula pada 2013 dan akan berakhir pada 2016. Data-data seterusnya akan dikutip pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Data diperoleh berdasarkan soal selidik yang diberi kepada guru pelatih. SPSS akan diaplikasikan untuk menganalisis data-data kajian. Hasil kajian melaporkan bahawa guru pelatih mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kemahiran berfikir dan cara memperkembangkan potensi murid. Selain itu, guru pelatih juga boleh mempelajari sesuatu daripada peristiwa atau pengalaman, berkebolehan mengaitkan subjek yang diajar dengan kehidupan harian, mewujudkan suasana yang menyeronokkan dalam bilik darjah serta menggunakan sumber dalam proses pengajaran pembelajaran. Namun, usaha perlu diadakan untuk mempertingkatkan pemahaman serta pengetahuan guru pelatih dalam aspek Tonggak Dua Belas, kajian masa depan, strategi penyebatian dan penggabungjalinan dalam mata pelajaran yang sama, melibatkan murid kurang upaya dalam amalan perancangan pengajaran, menggunakan pelbagai kaedah integrasi teknologi maklumat komunikasi dalam pengajaran pembelajaran, pelaksanaan penyelidikan tindakan dan kemahiran yang diperlukan dalam kokurikulum.

Kata kunci: *Standard Guru Malaysia, tahap pengetahuan, pelajar PISMP*

Pengenalan

Guru adalah modal insan yang sangat penting dalam melaksanakan segala dasar dan matlamat kurikulum. Guru juga bertanggungjawab dalam mendidik masyarakat serta menentukan kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan. Impak daripada tugas guru yang berkesan dapat memberikan sumbangan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi dan masa hadapan generasi muda. Peranan guru alaf 21 juga semakin mencabar kerana selain menjadi penyebar ilmu, guru juga perlu mempunyai pelbagai kemahiran seperti kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran berfikir aras tinggi di samping mampu mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan menerapkan nilai-nilai murni supaya generasi yang lahir adalah generasi yang berketrampilan dan berakhlak mulia.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif dalam membangunkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi pendidikan guru di Malaysia. SGM telah menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Menyedari hakikat ini, penyelidik dari Jabatan Ilmu pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas merasa terpanggil untuk membuat satu kajian tentang tahap pengetahuan Standard 2, SGM dalam kalangan guru pelatih semester 2, PISMP ambilan 2013 untuk mengenal pasti tahap kompetensi profesional mereka. Fokus kajian terutamanya adalah dalam aspek standard 2 dalam SGM iaitu aspek pengetahuan dan kefahaman. Kajian ini adalah satu kajian longitudinal di mana data akan diambil selama 4 tahun berturut-turut iaitu pada 2013, 2014, 2015 dan 2016. Adalah diharapkan hasil dapatan kajian ini akan dapat memberikan gambaran awal tentang tahap pengetahuan profesionalisme bakal guru yang dilatih di institut ini dan seterusnya dapat memberi ruang kepada penambahbaikan dalam keperluan latihan oleh IPGM khususnya dan KPM amnya.

Literatur Kajian

SGM telah menggariskan beberapa aspek kompetensi profesional yang patut dikuasai oleh seorang guru iaitu aspek amalan nilai, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pembelajaran dan pengajaran. Guru yang efektif perlu mempunyai kesediaan dan tahap pengetahuan yang tinggi terhadap apa yang telah digariskan dalam SGM ini. Salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru adalah kemahiran berfikir di mana kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid perlu diberi penekanan. Ini selari dengan arus kemodenan dan perubahan yang sedang dihadapi oleh masyarakat di Malaysia. Kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid perlu dipupuk dari awal lagi iaitu daripada peringkat prasekolah lagi. Walaupun kemahiran berfikir ini berkembang selari dengan pertambahan usia seseorang, namun kemahiran ini boleh diajar dan dilatih secara formal (Khatib & Nazari, 2012). Oleh itu terdapat pelbagai kaedah mengajar yang boleh digunakan untuk melatih kemahiran berfikir aras tinggi seperti menggunakan kaedah penyoalan Socratic (Yang, Newby & Bill, 2005), pembelajaran koperatif (Cooper, 1995), serta penulisan jurnal reflektif (Khatib, Marefat & Ahmadi, 2012). Guru pelatih perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah mengajar yang dapat menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi supaya mereka boleh mengaplikasi apa yang dipelajari di sekolah.

Selain daripada kemahiran berfikir, guru juga perlu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam aspek pengurusan bilik darjah terutama dalam menyediakan suasana bilik darjah yang menyeronokkan, mewujudkan budaya penyayang dan menyusun ruang serta sumber pembelajaran dalam bilik darjah. Namun begitu, didapati bahawa guru permulaan kurang berkemahiran dalam aspek pengurusan bilik darjah (Duck, 2007). Menurut Bauman dan Del Rio (2006), guru permulaan sering menghadapi masalah dalam pengendalian tingkah laku pelajar, pengurusan kurikulum dan mengurus tugas-tugas pentadbiran yang lain. Kegagalan guru untuk mengurus bilik darjah dengan baik terutama dalam mengendalikan tingkah laku pelajar serta penyediaan pembelajaran yang berkesan akan menimbulkan masalah disiplin dalam bilik darjah.

Guru perlu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap bidang-bidang dalam Ilmu Pendidikan seperti membuat perancangan, memilih strategi pengajaran yang sesuai serta melaksana proses pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Pengetahuan dalam aspek-aspek ini bukan sahaja hanya untuk mengajar murid normal tetapi juga untuk murid kurang upaya. Murid kurang upaya ini perlu diberi peluang yang sama untuk turut menerima pembelajaran dan pengajaran sama seperti murid normal. Ia adalah untuk memberi kesaksamaan peluang dalam pendidikan dan mengelakkan berlakunya diskriminasi (UNESCO, 2009). Boer, Pijl dan Minnaert (2011) menyatakan bahawa pendidikan yang diberikan kepada murid kurang upaya di sekolah-sekolah biasa merupakan indikator bahawa satu perkembangan pendidikan telah berlangsung dengan baik. Sehubungan dengan itu, guru perlu bersedia dan mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk mendidik golongan ini. Kejayaan dan keberkesanan pengajaran guru kepada murid kurang upaya bergantung kepada ilmu yang telah diperoleh ketika menjalani

latihan keguruan (Ntombela, 2009) di samping mempunyai sikap yang positif terhadap golongan ini (Loreman, Deppler & Harvey, 2005).

Guru di alaf 21 ini perlu celik teknologi supaya mereka dapat menggunakan pelbagai sumber dan media untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih menarik. Pelajar masa kini amat terdedah dengan penggunaan pelbagai multimedia dan alat teknologi seperti telefon pintar, iPad dan sebagainya. Mereka juga amat aktif berkomunikasi menggunakan laman sosial seperti facebook, twitter, blog dan instagram. Sehubungan dengan itu, guru perlu mempunyai kemahiran dalam penggunaan multimedia ini dalam pembelajaran dan pengajaran. Guru perlu menggalakkan murid untuk berinteraksi menggunakan ICT supaya pembelajaran berkesan boleh berlaku (Dawes et al, 2000). Selain daripada boleh menggalakkan interaksi, penggunaan ICT juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka ilmu secara berdikari. Penggunaan pelbagai sumber serta ICT dalam pembelajaran dan pengajaran dapat meningkatkan kemahiran murid untuk membuat penaaakuan serta mengamalkan pemikiran aras tinggi (Mc Clain & Cobb, 2001; Kirkwood, 2000). Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam penggunaan teknologi amat penting dalam mendidik generasi masa kini.

Selain daripada kemahiran pengajaran dan pembelajaran, kompeten guru juga dilihat pada aspek menjalankan penyelidikan tindakan. Penyelidikan tindakan amat berguna kepada guru terutama dalam aspek refleksi sendiri guru, penambahbaikan dan proses pembelajaran berterusan yang boleh meningkatkan amalan pengajaran guru (Sax & Fisher, 2001). Proses pembelajaran yang berlaku ketika melakukan penyelidikan tindakan boleh membawa kepada perubahan yang positif dalam pedagogi, cara berfikir dan tahap keyakinan guru. Menurut Mc Bee (2004), kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan apabila mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh daripada penyelidikan mereka dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Guru yang menjalankan penyelidikan tindakan juga akan lebih mengenali pelajar dan rakan sejawat mereka serta dapat menggalakkan penambahbaikan secara berterusan (Ferrance, 2000). Secara tidak langsung, penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh guru dapat meningkatkan kualiti guru terutama dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan bakal guru permulaan iaitu guru pelatih PISMP Semester 2 Ambilan Januari 2013 dalam Standard 2, SGM iaitu pengetahuan dan Kefahaman dalam aspek-aspek berikut:

- Falsafah, matlamat, dan objektif pendidikan yang menjadi teras dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran
- Falsafah, matlamat, objektif kurikulum dan kokurikulum, hasil pembelajaran, dan keperluan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran yang diajarkan
- Kandungan mata pelajaran yang diajarkan
- Kandungan Ilmu pendidikan
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi, media dan sumber pendidikan dalam pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum
- Strategi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif
- Kaedah pentaksiran dan penilaian, dan penyelidikan tindakan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran
- Potensi murid dan cara mengembangkannya secara menyeluruh dan bersepadu

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- Apakah tahap pengetahuan guru pelatih PISMP Semester 2 Ambilan Januari 2013 dalam Standard 2, SGM iaitu pengetahuan dan Kefahaman?
- Apakah aspek dalam Standard 2, SGM iaitu pengetahuan dan Kefahaman yang guru pelatih PISMP Semester 2 Ambilan Januari 2013 mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi?
- Apakah aspek dalam Standard 2, SGM iaitu pengetahuan dan Kefahaman yang guru pelatih PISMP Semester 2 Ambilan Januari 2013 mempunyai tahap pengetahuan yang rendah?
- Apakah cadangan penambahbaikan untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan guru pelatih PISMP Semester 2 Ambilan Januari 2013 dalam aspek Standard 2, SGM yang lemah?

Kepentingan Kajian

Visi dan misi KPM dan BPG adalah untuk melaksanakan sistem pendidikan guru yang bertaraf dunia mengikut acuan Malaysia bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara. SGM yang telah dibangunkan oleh BPG adalah bertujuan untuk melahirkan guru permulaan yang berkualiti, mempunyai tahap amalan profesionalisme keguruan, berpengetahuan dan berkemahiran. Guru permulaan merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tetap, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Sementara dan Guru Sandaran Terlatih. Guru permulaan ditempatkan di sekolah setelah tamat menjalani latihan keguruan sama ada di institut perguruan atau institusi pendidikan tinggi.

Hasil kajian ini dapat mengenal pasti aspek-aspek dalam Standard 2, SGM yang guru pelatih dalam semester 2 mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan rendah. Bagi aspek di mana tahap pengetahuan guru pelatih adalah rendah, maka usaha dan langkah-langkah perlu diadakan untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka kerana semua aspek dalam SGM akan menyumbang kepada pembentukan guru permulaan yang berkualiti. Berdasarkan hasil kajian, proses penyemakan kurikulum pendidikan guru boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana terdapat input berkenaan dengan kandungan pengetahuan yang amat diperlukan untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Bagi pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, dapatan kajian ini akan digunakan sebagai sumber rujukan bagi pensyarah dalam menyediakan aktiviti dan bahan pembelajaran untuk guru pelatih. Selain itu, hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak yang berkaitan seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), dan agensi lain KPM dalam melahirkan suatu pelan tindakan untuk meningkatkan kualiti guru permulaan keluaran IPGM.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana soal selidik diberikan kepada guru pelatih untuk mendapatkan data. Sebelum proses pengumpulan data, sampel telah dikumpulkan di dewan besar IPG Kampus Ilmu Khas pada tarikh yang ditetapkan untuk menjawab soal selidik. Satu taklimat ringkas telah diberi oleh pengkaji sebelum sampel mula menjawab soal selidik. Masa yang diperuntukkan untuk melengkapkan soal selidik ialah lebih kurang 45 minit. Data kajian ini merupakan data yang dikutip pada peringkat pertama bagi kajian longitudinal yang bermula pada 2013 dan akan berakhir pada 2016. Data-data telah dianalisis secara deskriptif.

Sampel Kajian

Sampel kajian adalah guru pelatih semester 2 yang dipilih secara rawak mudah daripada guru pelatih PISMPambilan 2013 dari IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel terdiri daripada guru pelatih lelaki dan perempuan yang beretnik Melayu, Cina, dan India. Sampel berasal dari opsyen Pendidikan Muzik, Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani, dan Pendidikan Khas. Umur sampel dalam lingkungan 24 tahun. Jumlah sampel adalah sebanyak 191 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan soal selidik yang telah diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan instrumen SGM yang dibentuk oleh KPM. Item-item dalam instrumen adalah berdasarkan standard 2 dalam SGM iaitu pengetahuan dan kefahaman. Terdapat 8 sub-standard dalam standard 2, Standard Guru Malaysia. Jumlah item dalam instrumen kajian ialah 73. Terdapat 6 item dalam standard 2.1, 12 item dalam standard 2.2, 7 item dalam standard 2.3, 22 item dalam standard 2.4, 4 item dalam standard 2.5, 12 item dalam standard 2.6, 7 item dalam standard 2.7, dan 3 item dalam standard 2.8. Skala pengukuran yang digunakan untuk mengukur item-item dalam soal selidik adalah skala ordinal jenis skala likert 4 mata, di mana ia disusun mengikut turutan lemah (1), kurang baik (2), baik (3) dan sangat baik (4).

Penganalisisan Data Dapatan Kajian

Program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) telah digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi daripada kajian ini. Data-data kajian telah dianalisis secara deskriptif. Bahagian ini akan melaporkan data-data demografik responden kajian seperti jantina, etnik, opsyen pengajian, tahap pengetahuan, dan kefahaman responden tentang standard 2 iaitu pengetahuan dan kefahaman dalam Standard Guru Malaysia.

Jadual 1

Taburan Responden Berdasarkan Etnik dan Jantina

Variabel	Lelaki		Perempuan		Jumlah Frekuensi
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	
Etnik					
Melayu	38	86.5	70	47.6	108
Cina	2	4.5	36	24.5	38
India	2	4.5	27	18.4	29
Lain-lain	2	4.5	14	9.5	16
Jumlah	44	100	147	100	191

Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina dan etnik. Hasil kajian melaporkan bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih kurang tiga kali ganda responden lelaki. 56.5% daripada responden adalah beretnik Melayu, diikuti dengan etnik Cina, 19.9%, India, 15.2% dan lain-lain yang merupakan 8.4%.

Jadual 2

Taburan Responden Berdasarkan Opsyen Pengajian

Variabel	Frekuensi	Peratus
Opsyen Pengajian		
Pendidikan Muzik	47	24.6
Pendidikan Khas	49	25.7
Pendidikan Jasmani	2	1
Pendidikan Seni	29	15.2
Pengajian Bahasa Inggeris	64	33.5
Jumlah	191	100

Jadual 2 menjelaskan taburan responden kajian berdasarkan opsyen pengajian yang telah ditawarkan kepada responden di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas semasa responden mendaftarkan diri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan responden dari opsyen Muzik dan Pendidikan Khas adalah lebih kurang sama. Responden dari opsyen Pengajian Bahasa Inggeris adalah paling ramai manakala responden dari Pendidikan Jasmani adalah paling kecil.

Jadual 3

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard 2.1: Falsafah, Matlamat, dan Objektif Pendidikan yang Menjadi Teras dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
1.	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	0.5	8.4	69.1	22	3.13	.56
2.	Falsafah Pendidikan Guru	0	8.9	70.2	20.9	3.12	.53
3.	Etika Perkhidmatan Awam	5.8	29.8	50.3	14.1	2.72	.77
4.	Tonggak Dua Belas	23.0	42.4	25.7	8.9	2.20	.90
5.	Tatasusila Profesion keguruan	2.1	19.4	53.9	24.6	3.01	.73
6.	Nilai KSSR	0.5	17.3	62.3	19.9	3.02	.63

Jadual 3 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk item-item dalam standard 2.1 iaitu falsafah, matlamat, dan objektif pendidikan yang menjadi teras dalam pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran responden. Hasil kajian melaporkan bahawa item Falsafah Pendidikan Kebangsaan mempunyai min yang tertinggi iaitu 3.13 dan sisihan piawai .56. Sebaliknya, item Tonggak Dua Belas mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.20 dan sisihan piawai .90. Min keseluruhan bagi standard 2.1 ialah 2.87.

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namum, pengetahuan responden tentang Tonggak Dua Belas adalah paling kurang. Selain itu, pengetahuan responden dalam aspek Tatasusila Profesion keguruan, Falsafah Pendidikan Guru dan nilai KSSR juga didapati agak tinggi. Responden kajian juga mempunyai pengetahuan yang kurang dalam Etika Perkhidmatan Awam.

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard 2.2: Falsafah, Matlamat, Objektif Kurikulum dan Kokurikulum, Hasil Pembelajaran dan Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Mata Pelajaran yang Diajarkan

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
7.	Hasrat falsafah KSSR	.5	23	53.4	23.0	2.99	.70
8.	Pembelajaran masteri	1	19.4	58.1	21.5	3.00	.67
9.	Pembelajaran koperatif	1.6	18.3	55.0	25.1	3.03	.71
10.	Aplikasi pelbagai kecerdasan	1.0	15.7	56.5	26.7	3.08	.68
11.	Kajian masa depan	4.7	23.6	51.3	20.4	2.87	.78
12.	Pembelajaran konstruktivisme	0	10.5	62.8	26.7	3.16	.59
13.	Pembelajaran kontekstual	1.0	18.3	58.1	22.5	3.02	.67
14.	Kemahiran belajar	1.6	9.9	58.1	30.4	3.17	.66
15.	Kemahiran berfikir	.5	8.4	55.5	35.6	3.26	.63
16.	Kemahiran TMK	1.6	11.0	52.4	35.1	3.20	.69
17.	Kemahiran fasilitator	1.6	10.5	61.3	26.7	3.13	.65
18.	Kemahiran mentaksir dan menilai	.5	19.4	57.6	22.5	3.02	.66

Jadual 4 memberi maklumat tentang nilai min dan sisihan piawai untuk item-item dalam standard 2.2 iaitu falsafah, matlamat, objektif kurikulum dan kokurikulum, hasil pembelajaran, dan keperluan pembelajaran dan pengajaran bagi mata pelajaran yang diajarkan oleh responden. Input dalam bahagian ini akan dapat menerangkan tentang tahap pengetahuan responden tentang pelbagai jenis pembelajaran dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru. Min keseluruhan bagi Standard 2.2 ialah 3.08.

Pengetahuan responden dalam Item kemahiran berfikir adalah paling tinggi dengan nilai min 3.26 dan sisihan piawai .63 dan diikuti dengan kemahiran TMK yang mempunyai min bernilai 3.20 dan sisihan piawai .69. Responden mempunyai pengetahuan yang paling rendah dalam kajian masa depan dan diikuti dengan hasrat falsafah KSSR. Secara keseluruhan, boleh disimpulkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang agak memuaskan dalam pembelajaran konstruktivisme, kontekstual, masteri, koperatif, dan mengaplikasikan pelbagai kecerdasan. Dalam aspek kemahiran, responden memahami kemahiran belajar, fasilitator dan mentaksir serta menilai dengan memuaskan.

Jadual 5

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard 2.3: Pengetahuan dan Kefahaman yang Mantap dan Tepat dalam Kandungan Mata Pelajaran yang Diajar

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
19.	Penggunaan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran	0	21.5	56.0	22.5	3.01	.66
20.	Isi kandungan mata pelajaran	0.5	19.9	58.6	20.9	3.00	.66
21.	Perkembangan terkini dalam mata pelajaran major	1.0	14.1	61.3	23.6	3.07	.64
22.	Kaitan mata pelajaran yang diajar dengan kehidupan seharian	0.5	8.9	60.2	30.4	3.20	.61
23.	Pemilihan isi kandungan bagi mata pelajaran major	1.0	15.7	61.8	21.5	3.04	.64
24.	Strategi penyebatian dan penggabungjalinan dalam mata pelajaran yang sama	1.6	22.5	56.5	19.4	2.93	.69
25.	Strategi penyebatian dan penggabungjalinan antara mata pelajaran	2.1	20.4	57.1	20.4	2.96	.70

Jadual 5 memberi laporan tentang nilai min dan sisihan piawai untuk item-item dalam standard 2.3 iaitu pengetahuan dan kefahaman yang mantap dan tepat dalam kandungan mata pelajaran yang diajar. Daripada hasil kajian, dapat diperhatikan bahawa responden mempunyai pemahaman yang agak cetek dalam semua item kecuali item mengaitkan mata pelajaran yang diajar dengan kehidupan seharian yang mempunyai min 3.20 dan sisihan piawai .61. Min keseluruhan bagi Standard 2.3 ialah 3.03.

Responden kurang menguasai strategi penggabungjalinan dan penyebatian dalam mata pelajaran yang sama dengan min 2.93 dan antara mata pelajaran dengan min 2.96. Pada masa yang sama responden yang berada dalam Semester 2 ini juga kurang pengetahuan dalam isi kandungan mata pelajaran yang diajar, memilih isi kandungan yang sesuai, dan menggunakan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran semasa merancang proses pengajaran dalam pembelajaran. Kesedaran responden tentang perkembangan terkini bagi mata pelajaran major mereka juga adalah rendah.

Jadual 6

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard S 2.4: Pengetahuan dan Kefahaman yang Mantap dan Tepat dalam Ilmu Pendidikan

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
26.	Kepelbagaian murid dalam amalan perancangan pengajaran	1.6	2.2	54.5	22.0	2.96	.71
27.	Murid kurang upaya dalam amalan perancangan pengajaran	2.6	23.6	55.5	18.3	2.89	.71
28.	Kepelbagaian budaya murid dalam amalan perancangan pengajaran	2.1	15.7	59.7	22.5	3.02	.68
29.	Menyediakan perancangan pengajaran pembelajaran dari segi isi kandungan	1.6	13.6	64.4	20.4	3.19	2.25
30.	Memilih kepelbagaian pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran pembelajaran	1.	11	63.9	24.1	3.26	2.25
31.	Mengaitkan teori-teori pembelajaran dengan pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran	1	14.1	61.8	23	3.06	.64
32.	Penggunaan bahasa yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran	1.6	8.4	56.5	33.5	3.21	.66
33.	Peranan guru sebagai pembimbing	2.1	8.4	51.3	38.2	3.25	.70
34.	Kepelbagaian bentuk pentaksiran dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran	4.2	17.8	55.5	22.5	2.96	.75
35.	Kepelbagaian bentuk pentaksiran dan penilaian secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran	2.6	22	55.4	19.5	2.93	.72
36.	Tujuan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran	2.6	18.8	57.6	20.9	2.96	.71
37.	Mengumpul maklum balas dan membuat tindakan susulan	2.6	23.6	53.9	19.9	2.91	.73
38.	Melaksanakan kepelbagaian aktiviti pengukuhan	1.6	15.2	57.6	25.7	3.07	.68

sambungan Jadual 6

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
39.	Melaksanakan kepelbagaian aktiviti pemulihan	2.1	17.3	58.6	22	3.00	.69
40.	Melaksanakan kepelbagaian aktiviti pengayaan	2.6	18.3	55	24.1	3.00	.73
41.	Menguruskan suasana fizikal, sosial dan emosi dalam pengurusan bilik darjah	2.1	12.6	60.2	25.1	3.08	.66
42.	Melaksanakan peraturan dan rutin bilik darjah	1.6	11.5	55	31.9	3.17	.69
43.	Menguruskan tingkah laku murid dalam bilik darjah	2.1	13.6	56.5	27.7	3.09	.70
44.	Menginterpretasi sesuatu peristiwa/ tindakan secara terperinci	2.1	19.4	58.1	20.4	2.96	.69
45.	Menilai kekuatan dan kelemahan diri	1	13.6	52.4	33	3.17	.69
46.	Mempelajari sesuatu daripada peristiwa atau pengalaman	0	7.3	55	37.7	3.31	.60
47.	Mengambil tindakan penambahbaikan kepada amalan sendiri	1	9.9	56	33	3.20	.65

Jadual 6 mempamerkan nilai min dan sisihan piawai untuk item-item standard 2.4 iaitu tentang pengetahuan dan kefahaman yang mantap dan tepat dalam Ilmu Pendidikan. Input bahagian ini penting kerana merangkumi aspek-aspek Ilmu Pendidikan yang merupakan penentu kepada penghasilan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta berkualiti. Responden perlu menguasai ilmu dalam perancangan dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran harian, pemilihan pendekatan dan kaedah pengajaran serta penyediaan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan pelajar, pengurusan rutin bilik darjah dalam aspek fizikal, sosial dan emosi, penilaian dan pentaksiran terutamanya penilaian secara berterusan dan penilaian berasaskan sekolah, serta membuat refleksi sendiri untuk memperbaiki kelemahan diri dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Min keseluruhan bagi Standard 2.4 ialah 3.07.

Analisis data melaporkan bahawa item mempelajari sesuatu daripada peristiwa atau pengalaman mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu 3.31 dan sisihan piawai .60 manakala item bagaimana melibatkan murid kurang upaya dalam amalan perancangan pengajaran mempunyai nilai min yang terendah iaitu 2.81 dan sisihan piawai .71. Daripada data, juga dapat diperhatikan bahawa pengetahuan responden dalam aspek memilih kepelbagaian pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran pembelajaran, peranan guru sebagai pembimbing, menggunakan bahasa yang sesuai dalam pengajaran, dan pembelajaran, mengambil tindakan penambahbaikan kepada amalan sendiri adalah agak baik dengan julat min lebih atau sama dengan 3.20.

Responden kajian mempunyai tahap ilmu yang sama dalam aspek merancang pengajaran dengan mengambilkira kepelbagaian murid, menginterpretasi sesuatu peristiwa/ tindakan secara terperinci, tujuan pentaksiran dan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran, pelbagai bentuk pentaksiran dan penilaian, serta menggunakan pentaksiran dan penilaian tersebut secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu dengan min antara 2.93 dan 2.96.

Jadual 7

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard S 2.5: Pengetahuan dan Kefahaman yang Mantap dan Tepat tentang Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan Sumber Pendidikan

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
48.	Menggunakan pelbagai kaedah integrasi TMK dalam pengajaran pembelajaran	1.6	16.8	55.5	26.2	3.06	.70
49.	Memahami etika penggunaan TMK	1.6	16.2	54.5	27.7	3.08	.71
50.	Menggunakan media dalam proses pengajaran pembelajaran	1.0	5.8	63.9	19.3	3.21	.59
51.	Menggunakan sumber dalam proses pengajaran pembelajaran	.5	7.3	59.7	32.5	3.24	.60

Jadual 7 menerangkan nilai min dan sisihan piawai bagi item-item standard 2.5 iaitu pengetahuan dan kefahaman yang mantap dan tepat tentang pengintegrasian TMK dan sumber pendidikan. Dapatan daripada jadual memberi input tentang tahap pengetahuan dan kefahaman responden dalam mengaplikasikan TMK serta pelbagai media dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menarik. Min keseluruhan bagi Standard 2.5 ialah 3.15.

Hasil kajian mempamerkan bahawa responden mempunyai kemahiran dalam menggunakan pelbagai sumber dan media demi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Ini dapat dibuktikan dengan min bagi item 50 dan 51 yang bernilai 3.24 dan 3.21 dan sisihan piawai .59 dan .60 masing-masing. Namun, responden kurang pengetahuan dalam etika penggunaan TMK dan paling kurang ilmu dalam cara mengintegrasikan TMK dalam proses pengajaran pembelajaran.

Jadual 8 pula menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk item-item standard 2.8 iaitu pengetahuan dan kefahaman yang mantap dan tepat tentang strategi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Input dari jadual tersebut akan melaporkan tahap pengetahuan dan kefahaman responden dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Min keseluruhan bagi Standard 2.6 ialah 3.23.

Hasil kajian mendapati nilai min yang paling tinggi datang dari item suasana yang menyeronokkan dalam bilik darjah dengan min 3.33 dan sisihan piawai .62. Ini diikuti dengan item mewujudkan budaya penyayang dalam bilik darjah yang mempunyai min 3.30

dan sisihan piawai .62. Di sebaliknya, item menyusun ruang dan sumber pembelajaran dalam bilik mempunyai nilai min yang paling rendah iaitu 3.13 dan sisihan piawai .66.

Jadual 8

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard 2.6: Pengetahuan dan Kefahaman yang Mantap dan Tepat tentang Strategi untuk Mewujudkan Persekitaran Pembelajaran yang Kondusif

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
52.	Strategi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bersih dan ceria	1	6.3	63.4	29.3	3.20	.60
53.	Susunan kedudukan murid yang menyokong pembelajaran	1.6	11.5	51.8	35.1	3.20	.70
54.	Susunan ruang dan sumber pembelajaran dalam bilik darjah	1	12.6	58.1	28.3	3.13	.66
55.	Tentang susunan perabot yang sesuai dalam bilik darjah	1	12	52.9	34	3.19	.68
56.	Budaya kerjasama bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dari segi sosial	.5	7.9	58.6	33	3.24	.61
57.	Budaya persaingan yang sihat dalam bilik darjah	1	7.9	55.5	35.6	3.25	.64
58.	Hubungan interpersonal yang positif dalam bilik darjah	1	7.3	60.7	30.9	3.21	.62
59.	Penerimaan murid dalam kumpulan	1	6.8	58.1	34	3.25	.62
60.	Suasana yang selamat dalam bilik darjah	.5	6.3	57.1	36.1	3.28	.62
61.	Suasana yang menyeronokkan dalam bilik darjah	0	7.9	50.8	41.4	3.33	.62
62.	Suasana yang menggalakkan kreativiti, inisiatif dan pemikiran terbuka	.5	11	56	32.5	3.20	.64
63.	Mewujudkan budaya penyayang dalam bilik darjah	1	5.2	56	37.7	3.30	.62

Secara keseluruhan, responden semester 2 yang melibatkan diri dalam kajian ini mempunyai pengetahuan yang agak baik dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Ini adalah kerana nilai min untuk semua item dalam bahagian ini melebihi 3. Dapatan ini menjelaskan bahawa responden memahami tentang peranan seseorang guru dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan selamat untuk pelajar dengan mempertimbangkan faktor-faktor fizikal, sosial serta interpersonal antara murid-murid. Namun, responden paling kurang pendedahan kepada kaedah bagaimana penyusunan ruang dan sumber pembelajaran dalam bilik darjah.

Jadual 9

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard S 2.7: Pengetahuan dan Kefahaman yang Mantap dan Tepat tentang Kaedah Pentaksiran dan Penilaian serta Penyelidikan Tindakan untuk Menambah Baik Amalan Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang baik (%)	Baik (%)	Sangat baik (%)	Min	Sisihan Piawai
64.	Penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran dan penilaian dalam penilaian formatif	2.1	20.4	50.8	26.7	3.02	.75
65.	Penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran dan penilaian dalam penilaian sumatif	3.7	18.8	54.5	23	2.96	.75
66.	Prosedur membina instrumen pentaksiran dan penilaian	4.2	26.2	48.7	20.9	2.86	.79
67.	Penggunaan maklumat pentaksiran dan penilaian untuk menilai pengajaran dan pembelajaran	4.2	21.5	57.6	16.2	2.87	.76
68.	Penggunaan maklumat pentaksiran dan penilaian untuk tujuan pengukuhan, pemulihan dan pengayaan	4.7	21.5	57.6	16.2	2.85	.74
69.	Prosedur pelaksanaan penyelidikan tindakan	5.2	23.6	53.4	17.8	2.83	.77
70.	Penggunaan penyelidikan tindakan untuk menambahbaik amalan pengajaran pembelajaran	6.8	21.5	50.3	21.5	2.86	.82

Jadual 9 adalah tentang nilai min dan sisihan piawai untuk item-item standard 2.7 iaitu pengetahuan dan kefahaman yang mantap dan tepat tentang kaedah pentaksiran dan penilaian serta penyelidikan tindakan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran. Jadual ini menerangkan maklumat berkenaan tahap pengetahuan dan kefahaman responden dalam menaksir dan menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta pencapaian hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Selain itu, maklumat tentang pengetahuan dan kebolehan responden dalam melaksanakan penyelidikan tindakan untuk penyelesaian masalah dengan tujuan meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran juga dapat diperolehi. Min keseluruhan bagi Standard 2.7 ialah 2.89.

Maklumat daripada bahagian ini menghuraikan bahawa pengetahuan dan kebolehan responden dalam aspek penyelidikan tindakan adalah lemah. Responden kurang kemahiran dalam membina instrumen, pelaksanaan penyelidikan tindakan serta menggunakan penyelidikan untuk penambahbaik amalan pengajaran pembelajaran. Walaupun nilai min bagi item penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran dan penilaian dalam penilaian formatif adalah paling tinggi adalah iaitu 3.02 dan sisihan piawai .75. Namun, responden kurang pengetahuan dalam menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran dan penilaian untuk penilaian sumatif dan juga kurang mahir dalam menggunakan maklumat yang diperolehi dalam pentaksiran dan penilaian untuk menilai pengajaran.

Jadual 10

Min dan Sisihan Piawai untuk Standard S 2.8: Mengenal Pasti dan Mengembangkan Potensi Setiap Individu

Bil	Pernyataan	Lemah (%)	Kurang Baik (%)	Baik (%)	Sangat Baik (%)	Min	Sisihan Piawai
71.	Cara pengesanan perbezaan murid (kecerdasan, kecergasan, tahap kebolehan dan gaya pembelajaran)	3.1	16.2	56	24.6	3.02	.73
72.	Cara membangunkan potensi murid	1	14.7	56.5	37.7	3.11	.68
73.	Penggunaan kemahiran asas, kepengelolaan, kejurulatihan dan kepegawaian dalam kokurikulum	2.1	20.4	51.8	25.7	3.01	.74

Jadual 10 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk item-item standard 2.8 iaitu mengenal pasti dan mengembangkan potensi setiap individu. Maklumat bahagian ini akan menerangkan tentang tahap pengetahuan responden dalam aspek mengenalpasti dan mengembangkan potensi pelajar serta kebolehan responden dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah. Min keseluruhan bagi Standard 2.8 ialah 3.05.

Hasil kajian menunjukkan bahawa item cara membangunkan potensi murid mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu 3.11 dan sisihan piawai .68. Namun begitu pengetahuan responden dalam aspek mengaplikasikan kemahiran asas, kepengelolaan, kejurulatihan dan kepegawaian dalam kokurikulum serta cara mengenalpasti perbezaan individu adalah sama dan agak lemah dengan nilai min 3.01 dan 3.02 masing-masing. Dapatan ini menjelaskan bahawa responden mempunyai pengetahuan dalam memperkembangkan potensi pelajar tetapi kekurangan pengetahuan dalam aspek menjalani aktiviti kokurikulum di sekolah.

Perbincangan, Implikasi dan Cadangan

Hasil kajian ini telah dapat memberi maklumat tentang tahap pengetahuan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 2 Ambilan 2013 Institut Pendidikan Guru kampus Ilmu Khas dalam standard 2, SGM yang diperincikan oleh lapan sub standard yang perlu dikuasai oleh seseorang guru pelatih malahan guru pelatih untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Analisis melaporkan aspek- aspek dalam standard 2 yang guru pelatih mempunyai kandungan pengetahuan yang tinggi dan rendah.

Guru pelatih dapat memahami dan berpengetahuan dalam aspek falsafah, matlamat, dan objektif pendidikan yang sepatutnya difahami dan dihayati oleh seseorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Daripada kajian ini, didapati guru pelatih mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan, di samping dalam aspek Tatasusila Profesion keguruan, Falsafah Pendidikan Guru dan nilai Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Ini mencerminkan bahawa kebanyakan guru pelatih mempunyai hala tuju dan objektif yang jelas dalam menjalankan tugas mereka sebagai seorang pendidik dan ini mungkin kesan daripada pembelajaran, aktiviti dan program penanaman nilai yang positif ketika mereka berada di IPG dan diterjemah dalam bentuk tindakan ketika bertugas.

Walaupun begitu, pemahaman dan pengetahuan guru pelatih tentang Tonggak Dua Belas adalah paling kurang. Ini mungkin disebabkan guru pelatih kurang pendedahan kepada dasar tersebut ataupun para pensyarah kurang memberi penekanan semasa menyampaikan kuliah. Dasar tersebut juga kurang diberi penekanan dalam kurikulum pendidikan guru oleh pihak pengubal kurikulum IPGM. Ini mungkin disebabkan oleh fokus utama IPGM ialah guru pelatih menguasai kemahiran pedagogi. Maka, ternyata jelas sesuatu usaha perlu dilakukan supaya dapat menyediakan guru pelatih menjadi seorang penjawat awam yang berintegriti dalam memberi perkhidmatan bermutu kepada masyarakat dan negara.

Analisis kajian juga memberikan input bahawa guru pelatih mempunyai tahap kefahaman serta pengetahuan yang tinggi dalam kemahiran berfikir. Ini mungkin hasil daripada proses pembelajaran yang telah dan sedang dialami oleh guru pelatih di IPG di mana elemen kemahiran berfikir aras tinggi sentiasa diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran. Ini akan mengukuhkan lagi penyataan bahawa kemahiran berfikir aras tinggi ini boleh diajar dan dilatih secara formal (Khatib & Nazari, 2012). Selain itu, guru pelatih juga mempunyai pengetahuan tentang bagaimana mempelajari sesuatu daripada peristiwa atau pengalaman yang mereka alami. Ini dapat dilaksanakan melalui penulisan refleksi yang membolehkan guru pelatih mengenali diri dengan lebih mendalam lagi. Seterusnya, pengetahuan guru pelatih dalam aspek memilih kepelbagaian pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran pembelajaran juga didapati berada pada tahap yang tinggi. Ini adalah penting supaya guru dapat membentuk murid yang mempunyai kebolehan menaakul serta kemahiran berfikir beraras tinggi (Mc Clain & Cobb, 2001; Kirkwood, 2000).

Pengetahuan guru pelatih tentang peranan guru sebagai pembimbing, menggunakan bahasa yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran, mengambil tindakan penambahbaikan kepada amalan sendiri adalah satu keperluan untuk mempertingkatkan profesionalisme guru. Namun, dapatan kajian juga melaporkan bahawa guru pelatih kurang pengetahuan dalam aspek bagaimana melibatkan murid kurang upaya dalam amalan perancangan pengajaran. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa guru pelatih kurang diberi pendedahan tentang murid kurang upaya yang ada di sekolah serta kurang diberi latihan dalam aspek pengajaran yang dapat melibatkan golongan ini dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Guru pelatih perlu sedar bahawa murid kurang upaya ini perlu diberi peluang yang sama dalam pendidikan bagi mengelakkan diskriminasi (UNESCO, 2009). Kemungkinan faktor guru pelatih ini yang masih berada di Semester 2 pengajian turut menyumbang kepada dapatan ini.

Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan, guru pelatih semester dua yang melibatkan diri dalam kajian ini mempunyai pengetahuan yang agak baik dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dapatan ini menjelaskan bahawa guru pelatih memahami tentang peranan seseorang guru dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan selamat untuk pelajar dengan mempertimbangkan faktor-faktor fizikal, sosial serta interpersonal antara murid-murid. Ini adalah satu indikator yang baik dalam menghasilkan guru permulaan yang berkemahiran tinggi dalam aspek pengurusan persekitaran bilik darjah kerana menurut Bauman dan Del Rio (2006) guru permulaan sering kurang mempunyai kemahiran dalam aspek ini.

Berdasarkan hasil kajian ini, didapati guru pelatih mempunyai kemahiran dalam menggunakan pelbagai sumber dan media demi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih memang diberi pendedahan yang tinggi dalam aspek ini di samping mereka sendiri menggunakan pelbagai sumber dan media dalam proses pembelajaran mereka di IPG terutama dalam penyediaan tugas atau pembentangan. Namun begitu, apa yang lebih penting ialah supaya mereka dapat mengaplikasikan kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi apabila mereka menjadi guru kelak supaya pembelajaran berkesan boleh berlaku (Dawes et al., 2000)

Walaupun begitu, masih terdapat beberapa aspek Standard 2, SGM yang guru pelatih didapati mempunyai tahap pengetahuan yang agak rendah. Usaha-usaha perlu diadakan untuk mempertingkatkan pemahaman serta pengetahuan guru pelatih dalam aspek-aspek tersebut. Tahap pengetahuan guru pelatih dalam Tonggak Dua Belas, kajian masa depan, strategi penyebatian dan penggabungjalinan dalam mata pelajaran yang sama, melibatkan murid kurang upaya dalam amalan perancangan pengajaran, menggunakan pelbagai kaedah integrasi TMK dalam pembelajaran dan pengajaran, pelaksanaan penyelidikan tindakan dan kemahiran yang diperlukan dalam kokurikulum perlu diberi perhatian segera daripada IPGM dan KPM. Kelemahan dalam memahami Tonggak Dua Belas dan kajian masa depan misalnya, agak ketara mungkin disebabkan tiada fokus yang diberikan di dalam pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar masih di dalam kategori pra perkhidmatan. Justeru itu, adalah dicadangkan agar perkara ini dapat diselitkan dengan lebih banyak serta diberi penekanan yang lebih di dalam subjek-subjek Ilmu Pendidikan.

Aspek penyebatian dan penggabungjalinan dalam mata pelajaran yang sama, terutama melibatkan murid kurang upaya dalam amalan perancangan pengajaran perlu dipertingkatkan terutama dalam subjek major dengan mengadakan kolaborasi strategik dengan pakar-pakar pendidikan khas terutamanya dengan memberikan latihan dan pendedahan khusus yang lebih dalam aspek ini. Penggabungjalinan kaedah dan aplikasi TMK misalnya boleh dijadikan sebagai 'sistem sokongan' yang lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam aspek penyelidikan tindakan pelajar semester dua mungkin belum mendapat pendedahan yang banyak kerana mereka belum melaksanakan sebarang penyelidikan tindakan lagi. Namun begitu, guru pelatih ini akan menjalankan satu penyelidikan tindakan apabila mereka berada di Semester 8 nanti. Selain daripada itu, aspek kemahiran dalam ko-kurikulum yang perlu diberikan perhatian oleh jurulatih ko-kurikulum. Kemahiran di dalam bidang ini boleh dipertingkatkan lagi dengan membanyakkan kerjasama dan kolaborasi dengan badan/agensi ko-kurikulum yang berkaitan.

Secara kesimpulan, dapatan kajian ini telah menyumbang input yang penting tentang tahap pengetahuan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 2 Ambilan 2013 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam Standard 2, SGM. Pengutipan data peringkat kedua akan diteruskan pada tahun 2014 untuk melihat sama ada terdapat sebarang perubahan dalam aspek standard 2, SGM setelah guru pelatih melalui program selama dua tahun.

Rujukan

- Boer, De A., Pijl, J.S., & Minnaert, A. (2011). Regular primary school teachers' attitudes towards inclusive education: A review of the literature. *International Journal of Inclusive Education*, 15(3), 331-353.
- Cooper, J. L. (1995). Cooperative learning and critical thinking. *Teaching of Psychology*, 22(1), 7-8. http://dx.doi.org/10.1207/s15328023top2201_2
- Dawes, L., Mercer, N., & Wegerif, R. (2000). Extending talking and reasoning skills using ICT. *Teaching and learning with ICT in the primary school*. London: Routledge.
- Ferrance, E. (2000). Themes in Education: Action Research. *Educational Alliance*, 1-34.
- Khatib, M., Marefat, F., & Ahmadi, M. (2012). Enhancing critical thinking abilities in EFL classrooms: Through written and audiotaped dialogue journals. *Humanity & Social Sciences Journal*, 7(1), 33-45.

- Khatib, M., & Nazari, O. (2012). The effect of literature on enhancing critical thinking. *Journal of Comparative Literature and Culture*, 1(2), 29-33.
- Kirkwood, M. (2000). Infusing higher order thinking and learning to learn into content instruction: A case study of secondary computing studies in Scotland. *Journal of Curriculum Studies*, 32(4), 509-535.
- Lindsay, G. (2003). Inclusive Education: A critical perspective. *British Journal of Special Education*, 26, 23-36.
- Loreman, T., Deppeler, J., & Harvey, D. (2005). *Inclusive Education: A practical guide to supporting diversity in the classroom*. New York: Routledge.
- Mc Bee, M. (2004). The Classroom as Laboratory: An exploration of teacher research. *Roeper Review*, 27, 52-58.
- McClain, K., & Cobb, P. (2001). Supporting students' ability to reason about data. *Educational Studies in Mathematics*, 45, 103–129.
- Ntombela, S. (2009). Are we there yet? Towards the development of inclusive education in one district in Kwazulu-NatSax, C., & Fisher, D. (2001). Using qualitative action research to effect change: Implications for professional education. *Teacher Education Quarterly*, 28(2), 71-80.
- UNESCO (2009). *Final Report International Conference on Education, 48th Session*. Geneva: UNESCO
- Yang, Y. T. C., Newby, T. J., & Bill, R. L. (2005). Using Socratic questioning to promote critical thinking skills through asynchronous discussion forums in distance learning environments. *The American Journal of Distance Education*, 19(3), 163–181.